

# HLA terkenal produk hayat baru

Sasar jualan premium RM300 juta 12 bulan akan datang

SALWANI MD ZAIN

HONG Leong Assurance Berhad, (Hong Leong) menyasarkan kadar premium jualan produk barunya HLA Wealth Builder mencecah RM300 juta dalam tempoh 12 bulan akan datang.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Loh Guat Lan berkata, syarikat yakin dengan sasaran itu setelah pencapaian sepanjang jualan pelancaran pengenalan pada Mei 2010 lalu mencecah RM35 juta.

"Kami sentiasa memberi inisiatif mengikut kehendak pelanggan bukan sahaja pelbagai guna tetapi sesuai kepada individu yang mencari pulangan untuk jangka panjang berserta perlindungan komitmen jangka pendek," katanya selepas majlis pelancaran premium HLA Wealth Builder di Subang, semalam.

Hadir sama, Pengurus Besar, Yong Lai Yin dan Ketua Pemasaran Strategi dan Pembangunan Produk, Eric Tan.

Menurutnya, produk itu akan memberi peluang kepada individu untuk merancang dan berpeluang



Foto: AZMI ARYANTO

● (Dari kiri) Loh, Lai Yin dan Eric ketika melancarkan HLA Wealth Builder, di Subang, semalam.

membina kekayaan sendiri.

"Individu boleh menggabung dan memadankan kadar bayaran mengikut pilihan di samping menikmati pendapatan tahunan terjamin bermula seawal tahun 1 hingga 90 tahun," katanya.

Beliau berkata, dengan melaksanakan pilihan berbayar untuk memendekkan pembayaran premium,

individu mempunyai pilihan dalam mengurangkan komitmen kewangan namun masih menikmati pendapatan tahunan berterusan dan perlindungan sehingga umur 90 tahun.

Loh berkata, HLA Wealth Builder juga memberi jaminan pulangan sehingga 150 peratus daripada jumlah asas diinsuranskan (BSA) pada tarikh kematangan.